| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Bengkel kesihatan untuk wanita | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 18 Nov 2012 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 60,000 |
| Page No | 40 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 193 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,062 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,186 |




# Bengkel kesihatan untuk wanita

**UNTUK** pertama kalinya di Celebrity Fitness, wanita pelbagai peringkat usia berpeluang menimba ilmu pengetahuan berkaitan rahsia kecantikan dan kesihatan daripada mereka yang pakar.

Bengkel anjuran Celebrity Fitness dengan kerjasama Yayasan Aids Malaysia, Kulit Potensi dan Akademi Amber Chia, menyaksikan ramai peserta wanita hadir untuk membawa pulang segala pendedahan yang berkaitan.

Pengurus Pemasaran Kanan Celebrity Fitness, Evelyn Low berkata, golongan wanita perlu menjaga kesihatan mereka, baik di luar mahupun dari dalam kerana keyakinan akan wujud jika penjagaan diri sentiasa diberi tumpuan.

Dr Ilias dari Yayasan Aids Malaysia pula berkongsi maklumat dengan peserta tentang statistik penyakit kanser di Malaysia. Beliau juga memberi beberapa tips berguna berkenaan penyakit tersebut kepada hadirin.



**Peserta wanita mengikuti aktiviti senaman sepanjang berlangsungnya bengkel berkenaan.**

Powered by: MediaBanc Be informed